

Suara

EDISI JUN - DISEMBER 2022



MITASA



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

MITASA

**50 TAHUN
SETIA
BERSAMA
ANAK BANGSA**





MESYUARAT AGUNG MITASA KALI KE-35 DAN PELANCARAN LOGO MITASA 50 TAHUN



Mesyuarat Agung MITASA kali ke-35 mencatatkan sejarah tersendiri apabila turut diadakan pelancaran untuk logo penubuhan MITASA 50 tahun. Sebanyak 30 penyertaan diterima dan pemenang utama telah dimenangi oleh Encik Fairuz Khalid dari Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi, UiTM Jasin yang berjaya membawa balik wang tunai RM500 dan sijil penghargaan.

Empat hadiah saguhati masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM100 dan sijil penghargaan dan mereka adalah Cik Tartila Saari, Pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Grafik (Kepujian), UiTM Shah Alam, Encik Noor Salimi Hassan, Bahagian Pengambilan Pelajar, UiTM Shah Alam, Cik Nur Nabihah Md Saleh, pelajar Ijazah Sarjana muda Farmasi, Kampus Puncak Alam dan Puan Norfadzilah Abd Manap dari Pejabat Infrastruktur, UiTM Shah Alam.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi.

Dalam pada itu, Mesyuarat Agung Dwi Tahunan kali ke-35 itu turut dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kongres Kesatuan

Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang diketuai oleh Presidennya, Dato Adnan Mat.

Turut hadir, Timbalan Presiden 1 CUEPACS, Aminuddin Awang, Setiausaha Agung, Abdul Rahman Mohd Nordin, Timbalan Setiausaha Agung 1, Mohd Fadil Mohd Noor, Timbalan Setiausaha Agung II, Roostam Dzahar, Setiausaha Kewangan, Sdr Roslan Nordin dan Timbalan Setiausaha Kewangan, Md Hisham Othman.

Dato Adnan Mat melahirkan rasa bangga dengan pencapaian Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) dalam memperjuangkan nasib dan kebajikan kakitangan khususnya kakitangan akademik.

Katanya, dengan usia MITASA yang mencecah separuh abad, badan ini masih terus utuh menunjukkan komitmen dan kesungguhan dalam memartabatkan kerjaya pensyarah terutamanya pensyarah UiTM.

Bagi CUEPACS, mereka berbangga untuk mempunyai ahli gabungan yang terus aktif menyumbang bukan sekadar terhadap CUEPACS malahan terhadap perkhidmatan awam umumnya.



BENGKEL PEMANTAPAN PENSYARAH UiTM

Satu Bengkel Pemantapan Pensyarah UiTM telah diadakan bertempat di Hotel GBW, Johor Bharu pada 17 hingga 19 Mac lalu dengan bertujuan untuk mengupas beberapa perkara yang menyentuh tentang kebajikan dan kemajuan kerjaya di kalangan staf akademik UiTM.

Menurut Presiden MITASA, Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah, bengkel berkenaan juga menjadi medan utama bagi membuahakan beberapa percambahan idea sekali gus dapat digunakan untuk diperhalusi dan dibawa kepada tindakan pihak pengurusan tertinggi Universiti Teknologi MARA. Bengkel ini juga memberikan perhatian kepada beberapa fokus utama melibatkan hala tuju masa depan pensyarah UiTM dan isu berkaitan dengan MyATP dan kenaikan pangkat.

